

Isu pampasan sumber air mentah

# 'Pam air selut jika enggan bayar RM50j'

MB Kedah beri amaran pendirian Pulau Pinang bakal undang masalah

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Yan:** Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, memberi amaran Pulau Pinang mungkin akan hany mengepam air selut Sungai Muda suatu ketika nanti, sekiranya terus enggan membayar pampasan air kepada Kedah.

Beliau berkata, Pulau Pinang masih boleh terus mengepam air Sungai Muda secara bebas setiap hari, namun akan tiba masa mereka mendapati tiada air mengalir di sungai itu.

Katahaya, kerajaan Kedah mem-

punyai beberapa projek yang belum boleh diumumkan dan sekiranya dilaksana, ia boleh mengakibatkan Pulau Pinang tidak lagi mendapat sumber air melalui Sungai Muda.

"Kita ada beberapa projek yang tidak umum lagi yang akan beri masalah kepada mereka (Pulau Pinang) kalau tetap enggan bayar (pampasan air), saya akan umum nanti."

"Pulau Pinang boleh guna dahulu (air Sungai Muda), sampai hari akan keluar air selut dan mereka boleh guna," katanya pada sidang media di Pejabat Daerah



Muhammad Sanusi pada sidang media di Pejabat Daerah dan Tanah Yan, semalam.  
(Foto BERNAMA)

rah dan Tanah Yan di sini, semalam.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow mengumumkan enggan memanjangkan isu penggunaan sumber air Sungai Muda kerana memilih untuk mempertahankan hak riparian negeri itu di mahkamah.

Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri sedia membawa pertikaian berkenaan ke mahkamah, namun akan merujuk kes kepada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu.

"Proses ini akan sampai mahkamah, tetapi kita akan minta

Kerajaan Pusat melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air bagi mengadakan proses timbang tara untuk atasi hal ini.

"Jika timbang tara gagal selesaikan, kita akan ke mahkamah. Saya akan pergi ke hujung dunia untuk mempertahankan hak ini," katanya.

Kedah sebelum ini menuntut Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menjelaskan baya ryan sumber air mentah sebanyak RM50 juta setahun sejak 2010, namun tiada sebarang baya ryan dibuat negeri itu sehingga kini.

## Pegawai terima rasuah kena penjara 10 hari

**Shah Alam:** Seorang pegawai imigresen dijatuhi hukuman penjara 10 hari dan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM2,600 pada 2019 dan tahun lalu.

Hakim Rozilah Salleh membuat keputusan berkenaan terhadap Mohd Azam Azhari, 39, yang juga Pegawai Imigresen Gred KP19, selepas tertuduh mengaku bersalah atas dua pertuduhan, termasuk pertuduhan piihan dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan pertama di bawah Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan, Mohd Azam Azhari dindenda RM10,000 atau dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda dan penjara 10 hari bermula semalam.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menerima RM2,600 daripada seorang individu yang ada hubungan dengan kerja rasminya.

Perbuatan itu dilakukannya di kaunter Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) sekitar November 2019 hingga Mac 2020.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)



## Program Pembiayaan

### Agro-YES

'Agro-Youth Entrepreneur Scheme'

Khusus untuk agropreneur muda bagi menjalankan aktiviti projek Tanaman, Ternakan, Perikanan dan Industri Makanan



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)



[www.facebook.com/Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV